

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS RAMAH MESRA
PELAJAR PASCA SISWAZAH

TEMPAT:
HOTEL MAHKOTA,
MELAKA

TARIKH :
13 JULAI 2007

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS RAMAH MESRA PELAJAR PASCA SISWAZAH BERSAMA NAIB CANSELOR UTeM BERTEMPAT DI HOTEL MAHKOTA MELAKA PADA 13 JULAI 2007 JAM 8.30 MALAM.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) UTeM

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) UTeM

Y.BHG. PROF. DR. MOHD. TAIB BIN HJ DORA
DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH (PPS)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

SERTA PELAJAR-PELAJAR SISWAZAH YANG SAYA HORMATI

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT KEPADA KITA BERKUMPUL BERSAMA-SAMA PADA MALAM INI DENGAN PELAJAR PASCA SISWAZAH YANG MENYAMBUNG PENGAJIAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

SAYA MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH DAN KELAB PENGAJIAN SISWAZAH (KEPS) KERANA

MENGUNDANG SAYA PADA MAJLIS RAMAH MESRA
INI.

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK
MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA
PELAJAR-PELAJAR BARU PASCA SISWAZAH YANG
MENDAFTAR PADA SEMESTER I, SESI 2007/2008
IAITU SERAMAI 32 ORANG.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

INI ADALAH KALI PERTAMA MAJLIS MAKAN MALAM
SEUMPAMA INI DIADAKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI
DENGAN SEMUA PELAJAR PASCA SISWAZAH.
TUJUAN MAJLIS INI DIADAKAN IALAH UNTUK
MENGERAT DAN MENGUKUHKAN SILATURAHIM
ANTARA PELAJAR SISWAZAH TERUTAMANYA
KEPADA PELAJAR BARU DENGAN PENGURUSAN
TERTINGGI UNIVERSITI TERMASUKLAH NAIB

CANSELOR, TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR,
DEKAN-DEKAN FAKULTI DAN SEMUA PEGAWAI
KANAN UNIVERSITI.

INI MERUPAKAN SATU USAHA YANG AMAT BAIK
KERANA IA DAPAT MENINGKATKAN HUBUNGAN
ANTARA PELAJAR DENGAN PIHAK PENGURUSAN
UNIVERSITI. PIHAK UNIVERSITI JUGA BOLEH
MENDAPAT BANYAK MAKLUMAT DAN
MAKLUMBALAS DARIPADA PERTEMUAN YANG
DIADAKAN SECARA TIDAK FORMAL INI ATAU DALAM
KEADAAAN YANG LEBIH SANTAI.

AKTIVITI SEPERTI INI JUGA AKAN DAPAT
MENINGKATKAN IKATAN PERSAUDARAAN ANTARA
SAUDARA-SAUDARI DENGAN RAKAN-RAKAN PASCA
SISWAZAH YANG LAIN.

PADA HARI-HARI BIASA KEMUNGKINAN KITA SENTIASA SIBUK DENGAN TUGASAN YANG DIBERIKAN DAN TIDAK DAPAT BERTEMU ATAU BERTANYA KHABAR KERANA MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP PENGAJIAN DAN PEMBELAJARAN YANG ADA. NAMUN DENGAN ADANYA AKTIVITI SEPERTI INI KITA DAPAT BERTANYA KHABAR DAN SALING BERTUKAR PANDANGAN TIDAK SAHAJA DALAM ASPEK AKADEMIK TETAPI JUGA DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH (PPS) TELAH DITUBUHKAN PADA 01 NOVEMBER 2004. TUJUAN PPS INI DITUBUHKAN IALAH UNTUK MENJADIKAN IA SEBAGAI PUSAT YANG DAPAT MENARIK PELAJAR LEPASAN SARJANA MUDA MENYAMBUNG PENGAJIAN PADA PERINGKAT YANG TINGGI IAITU

PADA PERINGKAT SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH (PhD)

PADA PERINGKAT INI PARA PELAJAR DIKEHENDAKI UNTUK MENGUASAI SESUATU ILMU DENGAN MELAKUKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (P&P) SERTA MEREKA HENDAKLAH BERKEUPAYAAN UNTUK MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH DAN ISU DENGAN BIMBINGAN PENYELIA.

PROGRAM PASCA SISWAZAH AMAT PENTING UNTUK DILAKSANAKAN KERANA IA BERUPAYA MELAHIRKAN GRADUAN IJAZAH TINGGI YANG PROFESIONAL, BERKEMAHIRAN, BERPENGETAHUAN TINGGI, CENDERUNG DAN TERLATIH DALAM KERJA-KERJA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN. DENGAN ITU IA DAPAT MENINGKATKAN MODAL INSAN YANG LEBIH KOMPETETIF UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SEHINGGA KINI, BILANGAN PELAJAR PASCA SISWAZAH DI UTeM ADALAH SERAMAI 148 ORANG. IA TERDIRI DARIPADA 85 ORANG PELAJAR SARJANA, 24 ORANG PELAJAR DOKTOR FALSAFAH DAN 39 ORANG PELAJAR MBA.

PADA TAHUN INI UTeM MENGANJURKAN UNTUK MENGAMBIL SEKURANG-KURANGNYA 300 ORANG PELAJAR PASCA SISWAZAH DENGAN PENAWARAN PROGRAM SECARA KERJA KURSUS OLEH FAKULTI YANG DIJADUALKAN PADA SEMESTER II, SESI 2007/2008.

JUMLAH PASCA SISWAZAH INI MASIH LAGI KECIL BERBANDING DENGAN SASARAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI YANG MENETAPKAN 20% PELAJAR PASCA SISWAZAH DI UNIVERSITI-

UNIVERSITI AWAM. SEBAGAI UNIVERSITI YANG MASIH BARU INI MERUPAKAN SATU CABARAN YANG PERLU DILALUI DALAM USAHA KITA MEMBERI KEYAKINAN KEPADA ORANG RAMAI.

SEBENARNYA KUALITI PENDIDIKAN DI UTeM ADALAH SETANDING DENGAN MANA-MANA UNIVERSITI TEMPATAN DAN LUAR NEGARA. MALAH JUMLAH YANG KECIL PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH INI MEMBOLEHKAN UTeM MEMBERI TUMPUAN PENUH KEPADA KUMPULAN PELAJAR INI. USAHA-USAHA MENARIK LEBIH RAMAI PELAJAR PERINGKAT PASCA SISWAZAH DIBUAT MELALUI PROMOSI DI DALAM DAN LUAR NEGARA.

SEHINGGA KINI UTeM TELAH MEMPUNYAI 13 ORANG PELAJAR LUAR NEGARA IAITU MASING-MASING 9 INDONESIA, 2 INDIA, 1 PAKISTAN DAN 1 IRAN. SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA

PELAJAR-PELAJAR INI KERANA MENYAMBUNG
PENGAJIAN DI UTeM.

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN BERBANYAK
TERIMA KASIH KERANA MENJEMPUT SAYA KE
MAJLIS INI. SAYA BERHARAP SAUDARA-SAUDARI
MEMPEROLEHI KEJAYAAN DAN BERGELAR
GRADUAN PASCA SISWAZAH SAMA ADA PADA
PERINGKAT SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH.
DENGAN ILMU YANG DIPEROLEHI ITU, SAYA
MENDOAKAN KEJAYAAN SAUDARA SAUDARI
DALAM BIDANG KERJAYA DAN KEHIDUPAN MASING-
MASING.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WABILLAHl TAUFIK, WAL HIDAYAH, ASM WRT. WBT